

BAB 4

PROFAIL RESPONDEN

4.1. PENGENALAN.

Kajian ini adalah dijalankan ke atas 181 responden yang terdiri daripada Pegawai-pegawai dalam perkhidmatan Profesional yang utama di Ibu Pejabat JKR dan juga termasuk Kementerian Kerja Raya iaitu perkhidmatan Kejuruteraan Awam, Mekanikal, Elektrik, Arkitek dan Jurukur Bahan.

4.2. PROFAIL RESPONDEN.

4.2.1. Jantina Responden

Didapati 74 peratus responden adalah lelaki, manakala bakinya 26 peratus terdiri daripada perempuan. Sila lihat jadual 4.1 bagi taburan terperinci frekuensi dan peratusan responden mengikut jantina.

JADUAL 4.1: TABURAN RESPONDEN MENGIKUT JANTINA

JANTINA	FREKUENSI	PERATUS(%)
Lelaki	134	74.0
Perempuan	47	26.0
JUMLAH	181	100

4.2.2. Umur Responden.

Majoriti daripada responden, iaitu 50.28 peratus adalah Pegawai Profesional dalam lingkungan umur 32 hingga 37 tahun. Sebaliknya, hanya 1.11 peratus sahaja dalam kategori umur melebihi 50 tahun. Seterusnya (lihat jadual 4.2), 24.86 peratus responden dalam kategori umur 38 hingga 43 tahun, 18.78 peratus dalam kategori umur 26 hingga 31 tahun dan 4.97 peratus adalah dalam kategori umur 44 hingga 49 tahun. Sebagai kesimpulan, taburan tersebut menunjukkan penumpuan utama responden adalah dalam kategori umur 32 hingga 37 tahun dan kategori umur 38 hingga 43 tahun.

JADUAL 4.2: TABURAN UMUR RESPONDEN

UMUR	FREKUENSI	PERATUS(%)
26-31	34	18.78
32-37	91	50.28
38-43	45	24.86
44-49	9	4.97
50-55	2	1.11
JUMLAH	181	100

4.2.3. Keturunan Responden

Berdasarkan jadual 4.3 di bawah, majoriti iaitu 89.5 peratus responden adalah berketurunan Melayu, 8.3 peratus Cina dan bakinya 2.2 peratus adalah dari keturunan India. Pegawai Profesional berketurunan India yang berkhidmat di Ibu Pejabat JKR amat kurang sekali. Bilangan responden yang diambil bagi kajian ini adalah mewakili lebih daripada 25 peratus populasi Pegawai Profesional berketurunan India.

JADUAL 4.3: TABURAN RESPONDEN MENGIKUT KETURUNAN

KETURUNAN	FREKUENSI	PERATUS(%)
Melayu	162	89.5
Cina	15	8.3
India	4	2.2
Jumlah	181	100

4.2.4. Agama Responden

Berdasarkan jadual 4.4, 89.5 peratus responden adalah beragama Islam. Di samping itu, 2.8 peratus responden adalah beragama Kristian, 5 peratus beragama Buddha dan bakinya 2.8 peratus adalah beragama Hindu. Taburan ini adalah selaras dengan taburan responden mengikut keturunan di mana peratusan responden beragama Islam adalah sama dengan peratus responden keturunan Melayu. Walaubagaimanapun

keadaan ini tidak berlaku kepada keturunan Cina dan India yang penganutan Agama adalah lebih pelbagai di antara tiga Agama iaitu Kristian, Buddha dan Hindu.

JADUAL 4.4: TABURAN RESPONDEN MENGIKUT AGAMA

AGAMA	FREKUENSI	PERATUS(%)
Islam	162	89.5
Kristian	5	2.8
Buddha	9	5.0
Hindu	5	2.8
JUMLAH	181	100

4.2.5. Taraf Perkahwinan Responden

Berdasarkan jadual 4.5, didapati majoriti iaitu 91.2 peratus daripada responden adalah terdiri daripada golongan yang telah berkahwin. Sebaliknya 7.2 peratus adalah bujang dan 1.7 peratus adalah dalam kategori janda atau duda.

**JADUAL 4.5: TABURAN RESPONDEN MENGIKUT
TARAF PERKAHWINAN**

TARAF PERKAHWINAN	FREKUENSI	PERATUS(%)
Berkahwin	165	91.2
Bujang	13	7.2
Janda	3	1.7
JUMLAH	181	100

4.2.6. Skim Perkhidmatan Responden.

Majoriti daripada Pegawai Profesional di Ibu Pejabat JKR adalah terdiri daripada Jurutera Awam. Ini dicerminkan juga dalam taburan responden mengikut skim perkhidmatan.

Berdasarkan Jadual 4.6, majoriti iaitu 49.7 peratus responden adalah terdiri daripada Jurutera Awam. Ini diikuti dengan Arkitek iaitu sebanyak 18.2 peratus, Jurutera Elektrik 12.2 peratus, Juru Ukur Bahan 11.6 peratus dan Jurutera Mekanikal 8.3 peratus.

JADUAL 4.6: TABURAN RESPONDEN MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN

SKIM PERKHIDMATAN	FREKUENSI	PERATUS(%)
Jurutera Awam	90	49.7
Jurutera Elektrik	22	12.2
Jurutera Mekanikal	15	8.3
Arkitek	33	18.2
Juru Ukur Bahan	21	11.6
JUMLAH	181	100

4.2.7. Gred Jawatan Responden.

Berdasarkan jadual 4.7, majoriti iaitu 77.9 peratus daripada responden adalah dalam gred J3. Sehubungan dengan itu, 19.3 peratus adalah dalam gred J2 dan 2.8 peratus adalah dalam gred J1. Gred J3 merupakan bilangan yang terbesar oleh kerana golongan ini merupakan golongan "bawah" dalam hairaki Pegawai Profesional. Sebaliknya golongan yang dalam Gred J2 merupakan Penyelia kepada Gred J3 dan seterusnya J1 merupakan Penyelia kepada Gred J2. Jadi bilangan gred di atas semakin kecil khususnya J1. Kedudukan yang lebih terperinci taburan frekuensi dan peratusan responden mengikut gred jawatan adalah seperti jadual 4.7 di bawah.

JADUAL 4.7: TABURAN RESPONDEN MENGIKUT GRED JAWATAN.

GRED JAWATAN	FREKUENSI	PERATUS(%)
Gred J1	5	2.5
Gred J2	35	19.3
Gred J3	141	77.9
JUMLAH	181	100

4.2.8. Tempoh Berkhidmat Responden Sebagai Pegawai Profesional Di JKR.

Berdasarkan jadual 4.8 berikut, 33.33 peratus daripada responden telah berkhidmat dengan JKR di antara 11 hingga 15 tahun sebagai Pegawai Profesional di JKR. Seterusnya 28.33 peratus telah berkhidmat sebagai Pegawai Profesional di JKR di antara 1 hingga 5 tahun, 26.11 peratus di antara 6 hingga 10 tahun, 10.56 peratus di antara 16 hingga 20 tahun dan bakinya 1.67 peratus adalah di antara 21 hingga 25 tahun. Secara umumnya taburan ini boleh dianggap hampir mewakili semua kategori tempoh perkhidmatan Pegawai Profesional JKR.

JADUAL 4.8: TABURAN RESPONDEN MENGIKUT TEMPOH BERKHIDMAT SEBAGAI PEGAWAI PROFESIONAL DI JKR

TEMPOH	FREKUENSI	PERATUS(%)
1-5 Tahun	51	28.33
6-10 Tahun	47	26.11
11-15 Tahun	60	33.33
16-20 Tahun	19	10.56
21-25 Tahun	3	1.67
JUMLAH	180	100

Kehilangan Frekuensi = 1

4.2.9. Taburan Responden Mengikut Bahagian/Cawangan/Unit.

Dari segi taburan responden mengikut Bahagian/Cawangan atau Unit, 11 peratus adalah daripada Cawangan Elektrik dan masing-masing 9.9 peratus daripada Cawangan Jalan dan Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan. Begitu juga seterusnya Cawangan Kerja Perubatan dan Kesihatan 8.8 peratus; Cawangan Mekanikal 8.3 peratus; Cawangan Bangunan 7.2 peratus; Cawangan Kerja Tentera 6.6 peratus; Cawangan kerja Pendidikan 6.6 peratus; Bahagian Perancang Jalan 6.1 peratus; Cawangan Kerja Dalam Negri 5 peratus; Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) 5 peratus; Cawangan Struktur dan Kejuruteraan Pakar 4.4. peratus; Cawangan Bekalan Air 4.4. peratus; Cawangan Perancangan 3.9 peratus dan Unit Projek Turnkey 2.8 peratus. Kesemua Cawangan dalam Ibu Pejabat JKR telah diwakili dengan taburan responden tersebut.

Jadual 4.9 berikut menunjukkan dengan terperinci frekuensi dan taburan responden mengikut Bahagian, Cawangan atau Unit di Ibu Pejabat JKR.

JADUAL 4.9: TABURAN RESPONDEN MENGIKUT CAWANGAN/BAHAGIAN.

CAWANGAN	FREKUENSI	PERATUS(%)
Perancangan	7	3.9
Bangunan	13	7.2
Struktur & Kejuruteraan Pakar	8	4.4
Bekalan Air	8	4.4
Mekanikal	15	8.3
Elektrik	20	11.0
Projek Turnkey	5	2.8
Jalan	18	9.9
Kontrak & Ukur Bahan	18	9.9
Kerja Dalam Negri	9	5.0
Kerja Tentera	12	6.6
Perubatan & Kesihatan	16	8.8
Kerja Pendidikan	12	6.6
Perancang Jalan	11	6.1
Institut Kerja Raya Malaysia(IKRAM)	9	5.0
JUMLAH	181	100

4.2.10. Latihan Yang Dihadiri Oleh Responden.

4.2.10.1. Taburan Mengikut Tempat atau Institusi Latihan.

Dari segi tempat latihan pula, ianya dikategorikan kepada empat(4) kategori seperti berikut:-

- (i) **Latihan Jabatan** iaitu latihan-latihan yang dianjurkan oleh JKR sendiri atau IKRAM iaitu Institut Latihan yang diuruskan oleh JKR.
- (ii) **Latihan-latihan di Institusi-Institusi Latihan Kerajaan di dalam Negara** seperti Institut Tadbiran Awam Malaysia(INTAN), Pusat Daya Pengeluaran Negara(PDPN) dan sebagainya.
- (iii) **Latihan-latihan dalam Institusi-Institusi Latihan Swasta di dalam Negara.** Ini termasuklah seperti Malaysian Institute of Management(MIM), Asian Institute of Management(AIM) dan sebagainya.
- (iv) **Latihan-latihan di luar Negara.**

Berdasarkan Jadual 4.10, butir-butir taburan responden mengikut Tempat atau Institusi latihan adalah seperti berikut:-

- (i) Bagi latihan peringkat Jabatan atau anjuran IKRAM, 71.3 peratus responden pernah menghadirinya manakala bakinya 28.7 peratus lagi tidak menghadiri sebarang latihan di peringkat Jabatan atau anjuran IKRAM.
- (ii) Majoriti iaitu 70.2 peratus daripada responden tidak berpeluang menghadiri sebarang latihan yang dianjurkan oleh Institusi latihan Kerajaan di dalam Negara. Walaubagaimanapun 29.8 peratus lagi ada menghadiri latihan di Institusi-Institusi Latihan Kerajaan dalam Negara.
- (iii) Hanya 14.9 peratus sahaja responden yang menghadiri latihan anjuran Institusi latihan Swasta di dalam Negara dan sebaliknya 85.1 peratus lagi tidak berpeluang menghadirinya.
- (iv) Bagi latihan di luar Negara pula, 29.3 peratus daripada responden ada menghadirinya untuk tempoh tiga tahun tersebut dan sebaliknya 70.7 peratus tidak berpeluang menghadirinya.

JADUAL 4.10: TABURAN RESPONDEN MENGIKUT LATIHAN YANG DITERIMA DALAM TEMPOH TIGA TAHUN TERAKHIR

INSTITUSI LATIHAN	HADIR	TIDAK HADIR	JUMLAH
Jabatan/ IKRAM	129 (71.3%)	52 (28.7%)	181 (100%)
Dalam Negara- Institusi Kerajaan	54 (29.8%)	127 (70.2%)	181 (100%)
Dalam Negara- Institusi Swasta	27 (14.9%)	154 (85.1%)	181 (100%)
Luar Negara	53 (29.3%)	128 (70.7%)	181 (100%)

4.2.10.2. Bilangan Latihan Yang Dihadiri Dalam Tempoh Tiga Tahun Terakhir.

Daripada keseluruhan responden yang pernah menghadiri latihan dalam tempoh tiga tahun terakhir adalah didapati :-

- (i) Bagi responden yang menghadiri latihan peringkat Jabatan atau di Institut Kerja Raya Malaysia(IKRAM), majoriti iaitu 63.7 peratus menghadiri latihan dalam kekerapan antara 2 hingga 5 kali dalam tempoh tersebut. Di samping itu, 18.6 peratus pernah menghadiri sekurang-kurangnya sekali(1), 12.5 peratus antara 6 hingga 9 kali dan 5.5 peratus lagi melebihi 10 kali.

- (ii) Bagi responden yang menghadiri latihan di Institusi-Institusi latihan kerajaan di dalam negara pula, 59.3 peratus adalah dalam kategori kekerapan antara 2 hingga 5 kali dan 37 peratus hanya 1 kali sahaja. Sehubungan dengan itu, masing-masing 1.9 peratus lagi adalah dalam kategori kekerapan 6 hingga 9 kali dan melebihi 10 kali.
- (iii) Di samping itu bagi responden yang menghadiri latihan di Institusi-Institusi latihan swasta di dalam negara pula, 59.2 peratus menghadiri latihan antara 2 hingga 5 kali manakala 40.7 peratus lagi hanya 1 kali sahaja.
- (iv) Bagi latihan di peringkat luar negara pula, majoriti iaitu 67.9 peratus pernah menghadiri latihan 1 kali dalam tempoh tersebut. Sebaliknya 32 peratus lagi adalah di antara 2 hingga 5 kali.

Secara keseluruhannya kedudukan taburan frekuensi dan peratusan bilangan responden mengikut tempat latihan yang mereka hadiri dalam tempoh tiga tahun adalah seperti dalam jadual 4.11 berikut.

JADUAL 4.11. : BILANGAN LATIHAN YANG DITERIMA MENGIKUT TEMPAT LATIHAN DALAM TEMPOH TIGA TAHUN TERAKHIR.

INSTIITUSI LATIHAN	1 KALI	2-5 KALI	6-9 KALI	10 & LEBIH	JUMLAH	CATATAN KEHILANGAN FREKUENSI
Jabatan/ IKRAM	24 18.6 %	82 63.7%	16 12.5%	7 5.5%	129 100%	52
Dalam Negara- Ins. Kerajaan	20 37.0 %	32 59.3%	1 1.9%	1 1.9%	54 100%	127
Dalam Negara- Ins. Swasta	11 40.7 %	16 59.2%	-	-	27 100%	154
Luar Negara	36 67.9 %	17 32.0%	-	-	53 100%	128

4.2.10.3. Peringkat Latihan Tertinggi Yang Diperolehi Oleh Responden Setelah Berkhidmat Di JKR.

Dari segi peringkat latihan khususnya latihan yang tertinggi yang diperolehi oleh responden setelah berkhidmat di JKR, didapati majoriti daripada responden iaitu 75.4 peratus hanya memperolehi latihan peringkat sijil sahaja. Di samping itu 20.4 peratus adalah peringkat Sarjana(Masters) dan 4.2 peratus di peringkat Ijazah pertama. Sila rujuk kepada jadual 4.12 berikut bagi data-data taburan secara keseluruhan.

**JADUAL 4.12. : PERINGKAT LATIHAN YANG TERTINGGI
YANG DITERIMA DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN OLEH RESPONDEN.**

PERINGKAT LATIHAN	FREKUENSI	PERATUS(%)
Sijil	126	75.4
Diploma	-	-
Ijazah Pertama	7	4.2
Sarjana	34	20.4
JUMLAH	167	100

Kehilangan Frekuensi = 14

4.3. **Rumusan.**

Secara keseluruhannya dapatlah dirumuskan bahawa berdasarkan profail responden yang telah diuraikan, didapati ianya adalah agak representatif. Dari segi jantina, walaupun didapati peratusan responden perempuan lebih kecil daripada responden lelaki, ia sebenarnya mencerminkan populasi Pegawai Profesional Ibu Pejabat JKR. Adalah didapati bilangan Pegawai profesional wanita hanya tertumpu kepada skim perkhidmatan tertentu seperti Arkitek dan Juru Ukur Bahan yang mana kedua-dua skim tersebut mempunyai bilangan pegawai yang kecil berbanding dengan Jurutera Awam yang mana majoriti pegawai adalah terdiri daripada lelaki. Begitu juga dari segi taraf perkahwinan di mana didapati majoriti responden sudah berkahwin dan ini memang mencerminkan populasi sebenar Pegawai Profesional di Ibu Pejabat JKR.

Begitu juga dari segi umur di mana responden adalah terdiri daripada setiap kategori umur daripada umur 26 tahun hingga ke umur 53 tahun. Taburan umur sedemikian adalah representatif khususnya dari segi ianya mewakili golongan muda, golongan pertengahan dan golongan tua yang mana sudah menghampiri pringkat persaraan. Ini berkaitan

juga dengan tempoh berkhidmat sebagai pegawai profesional di Ibu Pejabat JKR di mana taburan responden adalah mewakili setiap golongan daripada yang baru berkhidmat selama setahun hingga kepada yang berkhidmat selama 24 tahun. Dengan itu dapat dirumuskan bahawa ianya hampir mewakili semua kategori tempoh perkhidmatan Pegawai Profesional JKR.

Dari segi keturunan pula ianya juga mewakili populasi sebenar. Walaupun nampaknya bilangan responden India adalah sangat kecil tetapi ianya sudah melebihi 25 peratus daripada bilangan pegawai profesional berketurunan India dalam populasi pegawai profesional JKR. Begitu juga dengan Agama yang mana berkaitan dengan keturunan di mana oleh kerana majoriti responden adalah berketurunan Melayu, taburan dari segi Agama pula menunjukkan majoriti responden adalah beragama Islam.

Dari segi skim perkhidmatan pula taburan responden menunjukkan tumpuan adalah kepada skim perkhidmatan Jurutera Awam. Sebaliknya taburan bilangan responden dalam skim perkhidmatan yang lain pula mempunyai bilangan yang kecil dan hampir seimbang di antara satu sama lain. Ini juga memang mencerminkan taburan populasi pegawai profesional di Ibu Pejabat JKR di mana skim perkhidmatan Jurutera Awam mempunyai bilangan yang terbesar berbanding dengan skim perkhidmatan-skim perkhidmatan yang lain.

Begitu juga dari segi gred ianya mewakili ketiga-tiga gred yang ditumpukan oleh kajian ini. Walaupun Gred J1 mempunyai bilangan yang kecil namun ianya merupakan anggaran 30 peratus daripada populasi sebenar. Taburan responden adalah juga adalah representatif dari segi Cawangan. Adalah didapati taburan responden adalah meliputi semua Cawangan yang ada di Ibu Pejabat JKR.

Secara keseluruhannya dapatlah dirumuskan bahawa taburan responden adalah agak representatif. Ini adalah jelas khususnya jika dilihat dari segi ianya mewakili populasi mengikut jantina, umur, keturunan, Agama, taraf perkahwinan, skim-skim perkhidmatan, gred, tempoh berkhidmat, Cawangan dan taraf perkahwinan.